

## ISU

SAMBUTAN Hari Wanita Sedunia bertujuan meraikan dan memperkasakan kaum Hawa. - Gambar hiasan



AKTIVITI lasak turut mendapat tempat di hati wanita untuk mencubanya. - Gambar hiasan



# Wanita perlu berani memajukan diri



KARTINI



NORHIMAH



ABDUL BASIT

**D**AHULU wanita sering disalah erti dan dianggap hanya mampu duduk di dapur serta menyediakan keperluan rumah tangga. Namun, seiring perubahan zaman, mereka berani menonjolkan diri serta meraih pelbagai pengiktirafan di atas sumbangan yang diberikan.

Bagi meraikan dan menghargai jasa kaum Hawa itu, detik 3 Mac dipilih sebagai Hari Wanita Sedunia pada setiap tahun.

Timbalan Pengarah Institusi Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid, berkata, sambutan itu merupakan platform yang bukan hanya menyatukan gender tetapi merentasi kaum.

"Malaysia meraikan banyak sambutan yang menyatukan masyarakat berbilang kaum dan sambutan Hari Wanita ini juga berkonsepkan hal yang serupa dan ia sangat positif dalam perkembangan masyarakat sejagat.

"Kita juga dapat lihat, pencapaian wanita pada masa kini semakin baik dan dunia sentiasa mengingati perjuangan kaum Hawa," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tuturnya, wanita di Malaysia mempunyai akses pendidikan yang sangat baik dan jika dilihat pada jumlah penuntut di institusi pengajian tinggi awam atau swasta, bilangan mereka jauh lebih ramai berbanding lelaki.

Ini menunjukkan wanita di Malaysia mempunyai mobiliti sosial yang sangat baik dan meningkat walaupun penyertaan kaum Hawa dalam politik masih



WANITA di negara ini mempunyai taraf pendidikan yang lebih baik dan mampu menggalas tanggungjawab dalam bidang profesional. - Gambar hiasan

belum mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus.

Walaupun begitu, isu melibatkan wanita seperti peluang pekerjaan, hierarki dan struktur gender masih berlaku di Malaysia dalam dimensi berbeza dan ditangani mengikut konteks semasa.

Ujar Kartini lagi, dalam kajian mengenai gender terdapat beberapa faktor yang boleh dianggap mempengaruhi kondisi wanita dilihat lemah atau perkasa.

"Faktor itu ialah pendidikan, keluarga, sistem dan budaya, agama, tanggungjawab serta kehendak individu.

"Oleh itu, untuk memperkasa wanita, kesemua faktor ini harus diberi anjakan paradigma," terangnya.

Tambahnya, majikan perlu memberi peluang kepada wanita untuk menjawat jawatan tertinggi dalam syarikat.

Masyarakat juga katanya, perlu memberi ruang dan

sokongan kepada golongan wanita untuk sama-sama menyumbang dalam pembangunan negara.

## Misi utama

Sementara itu, Presiden dan Pengasas Persatuan Wanita Inspirasi Negara (WIN), Norhimah Aziz berkata, pihaknya mempunyai misi utama iaitu membantu pembangunan kapasiti wanita daripada pelbagai kaum, bangsa serta latar pekerjaan.

"Kami membantu pemeraksanaan wanita dalam bidang masing-masing dan saling memberi sokongan antara satu sama lain.

"Sehubungan itu, pelbagai aktiviti diadakan termasuk mengadakan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan dalam mencipta peluang dan ruang serta berkongsi pandangan dalam pembangunan wanita," katanya.

Jelasnya, WIN sentiasa

mengikut trend dan keperluan wanita semasa agar mereka tidak ketinggalan dalam mengejar impian serta cita-cita.

Menurut Norhimah, wanita sentiasa memerlukan sokongan dalam membuat keputusan kerana kebanyakan mereka takut untuk bertindak sendirian maka, sistem sokongan ini sangat penting.

"Wanita harus keluar dan bergerak memajukan diri mereka dan kaum Hawa juga perlu tahu arah tuju agar tidak ditipu atau diambil kesempatan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Cabaran ini juga perlu disahut oleh suri rumah tangga kerana walaupun berada di rumah mereka juga boleh berjaya sekiranya bijak mengambil peluang," tuturnya.

Dalam perkembangan yang sama, Pensyarah Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan, Datuk Dr. Abdul Basit Abd. Rahman berkata, Islam menyanjung tinggi wanita dan memberikan hak sewajarnya kepada mereka.

"Tidak seperti zaman jahiliah, Islam memberikan kedudukan yang baik kepada mereka dan melindungi daripada penindasan serta penganiayaan.

"Allah SWT menurunkan surah khusus yang membincangkan perihal wanita dan menjadi rujukan kaum Hawa iaitu surah An-Nisa," jelasnya.

Ini membuktikan bahawa Islam sangat menjaga kaum Hawa dan tidak mengabaikan mereka apatah lagi diperlakukan sewenang-wenangnya tanpa pembelaan.